

[FOTO EFFENDY RASHID /BH]



Aksi Hafizul selamatkan sepakan penalti pemain pasukan Kitchee SC pada pusingan kedua Kelayakan ACL di Stadium Perak, malam kelmarin.

Rahsia selamatkan penalti

➡ Penjaga gol Perak terima tips daripada rakan

Oleh Mohd Hafizee Mohd Arop
hafizee@bh.com.my

Ipoh

Bukan hanya penjaga gol, Muhammad Hafizul Hakim Khairul Nizam Jothy menjadi wira Perak pada aksi pusingan kedua Kelayakan Liga Juara Juara Asia (ACL) malam kelmarin, sebaliknya dua pemain lain iaitu Rafiuddin Roddin dan Nazirul Naim Che Hashim wa-

jar digelar wira tidak didendang.

Ini kerana dua pemain terbahit memberikan petua kepada penjaga gol kebangsaan itu sehingga menyaksikan dia berjaya menyelamatkan dua sepakan penalti Kitchee SC sekali gus membolehkan skuad The Bos Gaurus memenangi penentuan penalti 6-5.

Hafizul mengakui tips yang diberikan rakan sepasukannya itu berjaya digunakan sebaik mungkin untuk menafikan sepakan penalti yang diambil pemain pasukan lawan.

“Along (Rafiuddin Roddin) dan Nazirul (Nazirul Naim Che Hashim) ada memberikan 'tips' sebelum perlawanan, mereka beritahu saya yang pemain pasukan Kitchee SC gemar mengambil sepakan ke arah kiri pintu gol.

Berdebar, gemuruh

“Alhamdulillah, nasib saya baik apabila jangkakan saya tepat dan berjaya menolak sepakan penalti yang membawa kemenangan kepada Perak,” katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut aksi terbahit, Hafizul menyifatkan nasib dan rezeki memihak kepadanya dan dia enggan mendabik dada apabila sekali lagi menjadi penyelamat dalam penentuan sepakan penalti seperti dilakukannya pada perlawanan akhir Piala Malaysia 2018.

Katanya, dia belum layak untuk dilabel sebagai penjaga gol terbaik negara dalam penentuan penalti kerana sepakan penalti bergantung kepada nasib dan rezeki.

Bagaimanapun, dia bersyukur kerana berjaya melaksa-

nakan tanggungjawab diamanahkan jurulatih, Mehmed Durakovic sekali gus menafikan hasrat pasukan pelawat untuk memenangi perlawanan itu selepas kedua pasukan terikat 1-1 sehingga ke masa tambahan.

“Ketika itu saya berdebar kerana harapan seluruh pasukan terletak di bahu saya, jika saya gagal menyelamatkan sepakan dibuat pemain Kitchee SC, sudah pasti kemenangan berpihak kepada mereka selepas Leandro (Leandro Dos Santos Oliveira) gagal menyempurnakan penalti Perak.

“Namun saya cuba tenangkan diri dan berjaya menyelamatkan sepakan dibuat pemain Kitchee SC sekali gus menghidupkan semula peluang pasukan Perak,” katanya.